Habib bin Hasan lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Kementerian Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–8 OF 2003
VT SINGHAM H
24 JUN 2004

Acara Jenayah — Habeas corpus — Penahanan penagih dadah — Permohonan meminta perintah habeas corpus terhadap perintah mahkamah majistret menempatkan pemohon — Pemohon di pusat serenti mengikut s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 — Sama ada pemohon berhak kepada hak untuk representasi — Perbezaan di antara perintah tahanan pencegahan dan perintah rawatan dan pemulihan — Perbezaan s 6(1) sebelum dan selepas pindaan — Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s 6, 6(1)(a)

Acara Jenayah — Habeas corpus — Prosedur yang betul — Afidavit — Sama ada afidavit yang diikrarkan oleh isteri pemohon boleh diterima pakai

Pada 1 Julai 2003, majistret telah memerintahkan supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun di pusat pemulihan Sungai Petani di bawah s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan 1983 ('Akta tersebut') dan selepas itu menjalani pengawasan di bawah pihak polis selama dua tahun. Terkilan dengan perintah tersebut, pemohon memfailkan permohonan ini untuk satu perintah writ habeas corpus menerusi satu notis usul.

Pada permulaan pendengaran permohonan ini peguam kanan persekutuan membangkitkan bantahan awalan iaitu: (a) sama ada afidavit yang diikrarkan oleh isteri pemohon sebagai afidavit sokongan kepada notis usul boleh diterima pakai kerana ia tidak diikrarkan oleh pemohon sendiri; dan isu-isu di hadapan mahkamah ini adalah (b) sama ada perintah tahanan dan pengawasan bertentangan dengan s 6 Akta tersebut; (c) sama ada s 6(1) Akta tersebut memperuntukkan hak untuk membuat representasi terhadap seorang yang ditahan di bawah seksyen tersebut; (d) sama ada majistret mempunyai budi bicara yang luas selain daripada kuasa yang diberikan di bawah s 6(1)(a) atau 6(1)(b) Akta tersebut; (e) sama ada terdapat sebarang perbezaan di antara tahanan di bawah s 6 Akta tersebut dan tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('Akta 1960'); (f) sama ada majistret hendaklah memberikan alasan-alasan apabila mengikuti ataupun tidak mengikuti syor-syor pegawai pemulihan; (g) sama ada terdapat sebarang perbezaan di antara s 6(1) Akta tersebut sebelum dan selepas pindaan; dan (h) sama ada terdapat sebarang perbezaan di antara perintah tahanan pencegahan dan perintah untuk rawatan dan pemulihan.

Diputuskan, membenarkan permohonan tersebut:

(1) Sebarang sebab yang dinyatakan oleh satu pihak yang mengikrarkan afidavit bagi pemohon harus diteliti dengan cara subjektif. Memandangkan sebab-sebab yang diberi dalam satu kes tidak semestinya sama dengan

fakta-fakta kes-kes lain. Adalah jelas bahawa setiap bantahan awalan harus diteliti dengan fakta-fakta dan latar belakang setiap satu kes berkenaan dan bukan secara am. Dalam kes ini alasan telah diberikan oleh pemohon mengapa pemohon tidak dapat mengikrarkan afidavit tersebut dan mahkamah berpuas hati dengan alasan tersebut (lihat perenggan 9).

(2) Pemohon telah diberikan satu peluang untuk membuat representasi apabila ditangkap di bawah s 6(1) Akta tersebut. Maka, pemohon adalah berhak untuk membuat sebarang cabaran atau mempertikaikan laporan pegawai perubatan, laporan ujian air kencing dan laporan pegawai pemulihan dan perkara-perkara yang berkaitan dalam membersihkan namanya (lihat perenggan 14).

(3) Perintah yang dibuat oleh majistret di bawah s 6(1) Akta tersebut harus dibezakan daripada suatu perintah yang dibuat di bawah Ordinan 1969 atau di bawah Akta 1960. Seksyen 6(1) Akta tersebut jelas memperuntukkan hak untuk membuat representasi apabila seseorang itu ditahan di bawah Akta tersebut. Sebaliknya, di bawah Ordinan 1969 dan Akta 1960 seorang yang ditangkap tidak perlu dibawa di hadapan seorang majistret selepas tempoh tahanan di bawah s 117 Kanun Acara Jenayah supaya satu representasi dapat dibuat di hadapan majistret sebelum perintah tahanan dibuat (lihat perenggan 15).

(4) Walaupun, majistret hendaklah membuat perintah di bawah s 6(1)(a) atau 6(1)(b) Akta tersebut atas syor pegawai pemulihan dan juga setelah memberi pemohon peluang untuk representasi, akan tetapi majistret masih mempunyai budi bicara yang bebas untuk memilih sama ada memerintahkan seorang tahanan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan atau memerintahkan tahanan itu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan atau melepaskan tahanan itu tanpa sebarang perintah. Dan budi bicara ini tidak semestinya mengikat Majistret atau seharusnya mengikut syor pegawai pemulihan (lihat perenggan 15); *Gopinathan a/l Subramaniam lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 1 MLJ 65 (dirujuk).

(5) Majistret mempunyai budi bicara untuk mengikuti ataupun tidak mengikuti syor-syor pegawai pemulihan tanpa memberi alasan-alasan sekiranya beliau mengikuti syor pegawai pemulihan kerana permohonan untuk writ habeas corpus bukanlah satu rayuan terhadap keputusan majistret tetapi hanya untuk mengkaji semula perintah tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya Mahkamah Tinggi mendapati wujudnya kekeliruan mengenai perintah majistret tersebut, ia boleh sekiranya perlu dan di atas permohonan pemohon meminta majistret untuk memberi alasan-alasan secara ringkas kenapa syor pegawai pemulihan tidak diikuti dan pemohon tidak berhak langsung untuk mendapatkan alasan-alasannya (lihat perenggan 16).

(6) Seksyen 6(1) Akta tersebut (sebelum pindaan) dengan jelas memperuntukkan bahawa sebelum satu perintah dikeluarkan oleh majistret untuk memerintahkan seorang yang disahkan sebagai seorang

penagih dadah ditahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan, seorang majistret harus mengambil kira hal keadaan kes, watak, riwayat, umur, kesihatan, pelajaran, pekerjaan keluarga dan hal keadaan lain orang. Namun demikian, pindaan kepada s 6(1) Akta tersebut memperuntukkan bahawa dalam memerintahkan seseorang untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan atau diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai perkara-perkara yang dinyatakan tidak perlu ambil kira lagi (lihat perenggan 19).

(7) Satu perbezaan harus diambil kira tentang perintah tahanan pencegahan dan perintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan. Perintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan ditetapkan dan disediakan oleh kerjayanya untuk kebaikan seorang penagih dadah dan supaya beliau diberi peluang untuk menjauhkan diri daripada orang-orang yang menyuruh atau memaksa atau melibatkan beliau dengan kegiatan dadah atau menghisap dadah dan supaya orang yang ditahan diberi peluang untuk mengubah sikap, fikiran dan kelakuannya. Maka, satu perintah di bawah s 6(1)(a) Akta tersebut tidak boleh dikatakan dengan tepat sebagai satu tahanan pencegahan (lihat perenggan 24).

(8) Kegagalan untuk mencatatkan tarikh pemohon mula menjalani rawatan dan pemulihan, tarikh pemohon mengakhiri rawatan dan pemulihan serta tarikh permulaan pengawasan oleh pihak polis di dalam perintah majistret tersebut merupakan satu kesilapan yang material dan serius dan tidak boleh diketepikan sebagai satu perkara yang remeh atau kesilapan teknikal ataupun boleh dibaiki. Kesilapan untuk mencatat tarikh-tarikh tersebut adalah satu perkara yang menyentuh sehingga ke akar umbi perintah tersebut dan akibatnya menyebabkan perintah tersebut tidak sah (lihat perenggan 33 dan 34).

(9) Pihak-pihak yang bertanggungjawab yang mengendalikan proses untuk menyediakan borang-borang dan laporan statutori terhadap seorang penagih dadah dan seterusnya perintah yang dikeluarkan harus menunjukkan tanggungjawab yang serius dan menumpukan perhatian apabila menjalankan tugas-tugas rasmi dan bukan dengan cara mekanikal. Perkara ini adalah penting supaya memastikan bahawa penagih dadah sahaja dihantar untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan bukan orang-orang yang bukan penagih dadah (lihat perenggan 35).

[**English Summary**

On 1 July 2003 the magistrate ordered the applicant to undergo treatment and rehabilitation for two years at the Sungai Petani rehabilitation centre pursuant to s 6(1)(a) of the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 ('the Act') and thereafter to be put under observation by a police officer for another two years. Dissatisfied with the said order the applicant has now filed this application to obtain a writ of habeas corpus by way of an originating motion.

At the onset of the hearing of this application the learned senior federal counsel raised the following preliminary objection (a) whether the affidavit affirmed by the applicant's wife can be accepted as the supporting affidavit to this application seeing that the affidavit was not affirmed by the applicant himself; and the following issues were before the court (b) whether the restraining order and the supervision order was in contravention of s 6 of the Act; (c) whether s 6(1) of the Act provides the right to a person held under the said section to make representations; (d) whether the Magistrate has a wider discretion other than that under s 6(1)(a) or 6(1)(b) of the Act; (e) whether there are any differences between a person held under s 6 of the Act and a person held under Emergency Ordinance (Public Order and Prevention of Crime) 1969 ('1969 Ordinance') and the Internal Security Act 1960 ('1960 Act'); (f) whether it is necessary for the Magistrate to give reasons as to why the recommendations by the rehabilitation officer was or was not followed; (g) whether there is any difference between s 6(1) before and after the amendment to the said section; and (h) whether there is a difference between a person held under a detention order and one who has been ordered to receive treatment and rehabilitation.

Held, allowing the application:

(1) The reasons stated therein by the party who affirmed the affidavit on behalf of the applicant has to be examined subjectively. It is clear that all preliminary objections ought to be examined based on the facts and background of each case and not decided generally. In this case the reason given by the applicant as to why he could not affirm the said supporting affidavit was reasonable in the circumstances (see para 9).

(2) The applicant was given an opportunity to make representations when he was held under s 6(1) of the Act. Therefore, the applicant has the right to challenge or dispute the medical officer's report, the urine report and the report by the rehabilitation officer on matters stated in those reports to clear his name (see para 14).

(3) The order given by the magistrate under s 6(1) of the Act ought to be distinguished between orders given under the 1969 Ordinance and the 1960 Act. Section 6(1) of the Act it clearly stipulates the right for a person held under the Act to make representations. On the other hand, the 1969 Ordinance and 1960 Act states that a person held under these acts need not necessarily be brought before a Magistrate after the time frame of arrest stated in s 117 of the Criminal Procedure Code to enable them to make representations before the Magistrate before the detention order is made.

(4) Nevertheless, the magistrate must make an order under the said s 6(1)(a) or 6(1)(b) of the Act whether as recommended by the rehabilitation officer and also after giving the applicant the chance to make representations, but the Magistrate has the whole discretion to choose as to whether the held person is to undergo treatment and rehabilitation at a rehabilitation centre or to undergo supervision by an officer at a stipulated place or not to make any orders at all. This

discretion need not be binding on the magistrate and neither does it have to follow the recommendations made by the rehabilitation officer (see para 15); *Gopinathan a/l Subramaniam lwn Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 1 MLJ 65 (refd)

(5) The magistrate has the discretion to follow the recommendations made by the rehabilitation officer without assigning reasons for following them because an application for a writ of habeas corpus is not an appeal against the magistrate's decision but rather it is to re-examine the given order itself. However, if the High Court finds that there is a discrepancy as to the order given by the said magistrate, then it if necessary and by the applicant's application seek the magistrate to give short reasons as to why the recommendations made by the rehabilitation officer were not followed and these reasons are not to be given to the applicant as of right (see para 15).

(6) Section 6(1) of the Act before it was amended clearly provided that before an order is made by the magistrate for a person who has been ascertained a drug dependent to be held in a rehabilitation centre to undergo treatment and rehabilitation the Magistrate must take into account certain factors which include the circumstances of the case, and the character, antecedents, age, health, education, employment, family and circumstances of other people. However, the amendment to the said s 6(1) the Act provides that in making an order for a person to undergo treatment and rehabilitation at a rehabilitation centre or put under the supervision of an officer the aforementioned factors need no longer be consideredn (see para 19).

(7) Nevertheless, one difference needs to be considered in a detention order and an order to undergo treatment and rehabilitation at the rehabilitation centre. An order to undergo treatment and rehabilitation is stipulated and provided for by the government for the benefit of the drug dependent and to give him a chance to remove himself from the people who have asked or forced or included him in drug related activities or to take drugs and also for the said held person to change his attitude, thoughts and demeanour. As such the order made under s 6(1)(a) of the Act cannot be accurately described as a detention order (see para 24).

(8) The failure to state as to when the applicant was to start and end the treatment and rehabilitation, as well as the date when the police supervision is to start in the Magistrate's order is a material and serious mistake and could not be set aside as an insignificant matter or a technical mistake capable of being rectified. The failure of stating this dates goes to the very roots of the order made and has rendered the said order to be invalid (see paras 33 and 34).

(9) The parties responsible in handling the process of preparing the relevant documents and statutory reports against a drug dependent and thereafter the order given must reflect the seriousness of their responsibility and these people ought to pay more attention to their official work and not to work mechanically. This is important to ensure that only certified

drug dependents are sent to the rehabilitation centres and not non-drug dependents (see para 35).]

Nota

Untuk kes-kes mengenai penahanan penagih dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) paras 1749–1756

Untuk kes-kes mengenai prosedur untuk habeas corpus, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) paras 1803–1818

Kes-kes yang dirujuk

Aminah lwn Superintendent Of Prison, Pengkalan Chepa, Kelantan [1968] 1 MLJ 92 (diikuti)

Arumugam Subramaniam lwn Pegawai Pemulihan Pusat Serenti Bukit Mertajam & Satu Lagi [2002] 2 MLJ 481 (dibezakan)

Chuah Say Phang lwn Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik Perak Darul Ridzuan & Satu Lagi [2000] 5 MLJ 678 (dirujuk)

Gopinathan Subramaniam lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2000] 1 MLJ 65 (diikuti)

Kamaruzaman Bin Yahaya v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor and Other Applications [1997] 5 MLJ 256 (refd)

Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor lwn Gurdeep Singh Atma Singh [2000] 6 MLJ 112 (diikuti)

Mohd Nazir Bin Badar Shair lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri [2000] 2 MLJ 559 (dibezakan)

Quan Kim Hock lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2000] 5 MLJ 65 (tidak diikut)

Rajasegaran lwn Pusat Pemulihan Serenti Raub & Ketua Pengarah Kementerian Dalam Negeri Unit Rawatan Dan Pemulihan [2000] 3 MLJ 529 (dirujuk)

Sanuar Kamaruddin bin Ahmad v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1996] 5 MLJ 1 (refd)

Sures Perumal lwn PP [2001] 2 MLJ 106 (dirujuk)

Syed Ali Mohamad Kutti lwn Menteri Dalam Negeri Malaysia & Anor [1998] 2 J Cr 449 (dibezakan)

Perundangan yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 Jadual 1

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 s 6, 6(1)(a), (b), (3), (4)

Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 17A

Kanun Acara Jenayah s 117

Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969

Perlembagaan Persekutuan art 8

VT Singham H:

PERMOHONAN WRIT HABEAS CORPUS

[1] Ini adalah satu notis usul di bawah Bab XXXVI Kanun Prosedur Jenayah untuk mengeluarkan satu Perintah writ habeas corpus bagi membebaskan pemohon Habib Bin Hasan yang telah diperintahkan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Sg Petani di bawah s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan 1983 (Akta 283) selepas ini dipanggil "Akta tersebut", mengikut perintah bertarikh 1 Julai 2003 oleh Majistret Teluk Intan untuk selama dua tahun.

[2] Permohonan ini difailkan terhadap Perintah Majistret Teluk Intan yang pada 1 Julai 2003 memerintahkan supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Sg Petani selama dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan oleh Pegawai Polis selama dua tahun di Daerah Hilir Perak.

AFIDAVIT PEMOHON

[3] Notis usul tersebut (Lampiran 3) yang bertarikh 27 Ogos 2003 disokong oleh afidavit yang diikrar pada 5 Ogos 2003 oleh isteri pemohon (Lampiran 4) yang menyatakan seperti berikut:-

(a) Pada 9 Jun 2003 pemohon telah ditangkap oleh polis di Balai Polis Bahagian Narkotik Hilir Perak;

(b) melalui afidavit tersebut sesalinan dokumen-dokumen yang dilampirkan dan ditanda sebagai eksibit-eksibit adalah:-

(i) laporan polis No 1189/03 (Hutan Melintang) dibuat pada 9 Jun 2003;

(ii) Perintah tahanan bertarikh 10 Jun 2003 dibuat untuk menjalani ujian bagi maksud menentukan, sama ada pemohon adalah seorang penagih dadah atau tidak mengikut pengertian Akta tersebut;

(iii) Borang permintaan ujian pengesahan dadah dalam Air Kencing bertarikh 11 Jun 2003 oleh Ketua Bahagian Narkotik Daerah Hilir Perak, Teluk Intan;

(iv) Perakuan tentang penagihan dadah bertarikh 23 Jun 2003 oleh Dr Khairul Anuar Bin Md Akhir;

(v) Laporan Pegawai Pemulihan bertarikh 30 Jun 2003;

(vi) Nota-nota catatan oleh Majistret.

(c) Pada 1 Julai 2003 pemohon telah dibawa di hadapan Majistret di mana pemohon diperintahkan oleh Majistret Teluk Intan supaya *ditahan* di bawah s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) selama dua tahun di Pusat Pemulihan Sg Petani, Kedah. Melalui satu afidavit Tambahan Pertama yang diikrar pada 21 Ogos 2003 oleh isteri pemohon (Lampiran 5), sesalinan perintah menjalani rawatan dan pemulihan telah dieksibitkan.

[4] Pemohon pohon Perintah iaitu writ habeas corpus dikeluarkan dengan serta merta untuk menjamin kebebasan pemohon.

JAWAPAN PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN

[5] Sebagai jawapan kepada afidavit bagi pemohon, seorang Peguam Persekutuan, Puan Azlina bte Rasdi dari Pejabat Peguam Persekutuan Kementerian Dalam Negeri telah memberi jawapan melalui afidavit yang diikrar pada 27 Oktober 2003 (Lampiran 8) kepada tohmahan-tohmahan yang dibuat oleh pemohon. afidavit tersebut mengandungi di antara lain sesalinan dokumen-dokumen, iaitu (i) laporan polis 1189/03 (Hutan Melintang), (ii) Borang Permintaan ujian pengesahan dadah dalam air kencing serta keputusan makmal bertarikh 9 Jun 2003, (iii) Borang/Perintah Tahanan bertarikh 10 Jun 2003 untuk menjalani ujian bagi orang yang disyaki sebagai penagih dadah, (iv) Perakuan tentang penagih dadah bertarikh 23 Jun 2003 oleh Doktor Khairul Anuar Bin Md Akhir Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Teluk Intan, (v) Laporan Pegawai Pemulihan bertarikh 30 Jun 2003, (vi) Nota-nota catitan oleh Majistret, (vii) Perintah (Borang 3) bertarikh 1 Julai 2003 supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Sg Petani.

[6] Afidavit Jawapan oleh Peguam Persekutuan itu menyatakan bahawa tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh Majistret dalam perkara ini adalah betul dan mengikut prosedur apabila meneliti dokumen-dokumen dan eksibit-eksibit tersebut. Doktor Khairul Anuar Bin Md Akhir seorang Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan, Teluk Intan juga melalui Perakuan tentang penagih dadah bertarikh 23 Jun 2003 mengesahkan bahawa hasil ujian ke atas spesimen air kencing pemohon mendapati dan mengandungi dadah merbahaya iaitu jenis `morphine' dan ini membantu beliau membuat kesimpulan bahawa pemohon adalah seorang penagih dadah.

[7] Sebelum mahkamah meneruskan untuk memberi alasan-alasan keputusan terhadap notis usul (Lampiran 3) di mana satu perintah writ habeas corpus telah dikeluarkan pada 6 April 2004, mahkamah ini ingin menyentuh di atas bantahan awalan yang dibangkitkan oleh Peguam Kanan Persekutuan Encik Mohamad Abasafree b Mohd Abas bagi responden terhadap afidavit yang diikrar oleh isteri pemohon (Lampiran 4) untuk menyokong permohonan notis usul (Lampiran 3). Isu yang ditimbulkan adalah, sama ada afidavit yang diikrar oleh isteri pemohon (Lampiran 4) sebagai afidavit Sokongan kepada notis usul (Lampiran 3) boleh diterima pakai kerana ia tidak diikrar oleh pemohon sendiri. Peguam Kanan Persekutuan bagi responden yang membangkitkan bantahan awalan di atas afidavit tersebut (Lampiran 4) telah merujuk kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri* [2000] 2 MLJ 559 untuk menyokong bantahan awalan tersebut. Dalam kes itu, YA Augustine Paul H (sekarang Hakim mahkamah Rayuan) berkata:-

> ... The contents of an affidavit prepared by a person other than a detainee will contain hearsay material. Pursuant to O 41 r 5 of the RHC information which is not within the personal knowledge of a deponent is allowed only when an affidavit is affirmed for an interlocutory proceeding and not when a final order is sought.

Where there is an application for a final order it is fatal to rely on affidavits containing hearsay evidence. As an application for habeas corpus is final in nature the affidavit in support must not contain hearsay material. Ordinarily, therefore, an affidavit in support of an application for habeas corpus must be affirmed by a detainee himself. However, this rule has been modified in the case of habeas corpus applications by the section which permits persons other than a detainee to affirm affidavits in view of difficulties that may be encountered thus permitting such affidavits to contain hearsay material. As the section is an exception to the general rule it must be strictly construed.

Thus there must be positive proof of difficulty, inconvenience and financial inability in the detainee himself affirming the affidavit instead of a mere possibility as deposed to in this case. As the reasons advanced by applicant's mother to explain why she has to affirm the affidavit do not satisfy the requirements of the section I am unable to accept it. Furthermore, the endorsement to the affidavit is defective as it does not show the dates of swearing and filing it. No application was made for leave of court to use the affidavit. Again the affidavit cannot thus be used. The motion is therefore left without any affidavit to support it.

[8] Mahkamah ini berpendapat dengan segala hormatnya bahawa fakta-fakta dalam kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair* harus dibezakan dan dibandingkan dengan permohonan di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair* alasan yang diberi oleh ibu kepada tahanan kenapa pemohon sendiri tidak dapat ikrar afidavit tidak diterangkan dengan jelas. mahkamah itu juga telah meneliti dan mengikuti kes *Syed Ali Mohamad Kutti lwn Menteri Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1998] 2 J CR 449 apabila membuat keputusan. Bagaimanapun mahkamah ini mendapati dalam kes di hadapan mahkamah ini bahawa afidavit jawapan oleh pemohon sendiri yang telah difailkan kemudian (Lampiran 13) telah menjelaskan kenapa beliau sendiri tidak dapat mengikrar afidavit (Lampiran 4), mahupun afidavit jawapan tersebut (Lampiran 13) difailkan selepas peguam kanan persekutuan bagi responden melalui surat bertarikh 1 Disember 2003 memberi notis kepada peguam pemohon bahawa beliau akan membangkitkan *bantahan awalan* di atas alasan bahawa afidavit sokongan (Lampiran 4) tidak teratur dan merujuk kepada kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair.*

[9] Mahkamah ini berpendapat bahawa sebarang sebab yang dinyatakan oleh satu pihak yang mengikrar afidavit bagi pemohon harus diteliti dengan cara subjektif dan sebab-sebab yang diberi dalam satu kes tidak semestinya sama dengan fakta-fakta kes-kes lain dan adalah jelas bahawa setiap bantahan awalan harus diteliti dengan fakta-fakta dan latar belakang setiap satu kes berkenaan (each case is determined on its own set of facts) dan bukan secara am. mahkamah ini berpuas hati dengan sebab-sebab yang dinyatakan oleh pemohon melalui afidavit Jawapan (Lampiran 13) kenapa beliau sendiri tidak dapat mengikrar afidavit untuk menyokong notis usul apabila dibanding dengan kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair* di mana tidak ada afidavit yang diikrar oleh pemohon sendiri.

[10] Di atas keadaan dan selepas menimbang sebab-sebab yang diberi oleh pemohon melalui afidavit (Lampiran 13) dan selepas meneliti kes *Aminah lwn Superintendent Of Prison, Pengkalan Chepa Kelantan* [1968] 1 MLJ 92, mahkamah ini terima pakai kes itu yang memberi pendapat yang berbeza

apabila meneliti dan berbanding dengan kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair* yang tidak merujuk kes *Aminah lwn Superintendent Of Prison Pengkalan Chepa Kelantan.* Juga mahkamah mendapati bahawa sekiranya kes *Aminah lwn Superintendent Of Prison Pengkalan Chepa Kelantan* dapat dirujuk atau dibawa kepada perhatian mahkamah dalam kes *Mohd Nazir Bin Badar Shair*, kemungkinan keputusannya boleh berlainan. Dalam kes *Aminah lwn Superintendent Of Prison, Pengkalan Chepa, Kelantan* [1968] 1 MLJ 92, YA Wan Suleiman H (pada masa itu) berkata:-

> The learned deputy public prosecutor on behalf of respondent raised a preliminary point of law. He contended that the procedure as laid down by sections 366 and 367 of the Criminal Procedure Code (Cap. 6) had not been observed in that the affidavit sworn by applicant did not show cause why the detainee himself had not filed an affidavit. However, it was never in dispute that the detainee was being held in Pengkalan Chepa Prison. The inconvenience and possible delay in either getting the detainee before a commissioner of oaths, or alternatively, of getting the latter to visit the prison, amounts, in my opinion, to "other sufficient cause" for the detainee himself not filing the affidavit and I accordingly held that, in the circumstances, there had been compliance with section 366 of the Criminal Procedure Code."

[11] Dengan itu, bantahan awalan yang dibangkitkan oleh Peguam Kanan Persekutuan tidak dapat diterima oleh Mahkamah. mahkamah membenarkan pemohon teruskan dengan notis usul (Lampiran 3).

[12] Di atas permohonan (Lampiran 3), Peguam pemohon telah mengemukakan beberapa kes-kes untuk menyokong penghujahan beliau bahawa di atas alasan-alasan yang dicatit dalam afidavit yang difailkan bagi pemohon, pemohon harus dibebaskan dengan serta merta.

[13] Peguam Kanan Persekutuan, Encik Mohamad Abasafree b Mohd Abas dalam penghujahan beliau menegaskan bahawa mahkamah ini harus membezakan kedudukan Perintah yang diberi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Perintah yang diberi di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan). Peguam Kanan Persekutuan tersebut telah merujuk dua kes yang diputuskan oleh Kang Hwee Gee H di *Majistret, mahkamah Majistret Rawang & Anor lwn Gurdeep Singh Atma Singh* [2000] 2 CLJ 433 dan keputusan oleh Augustine Paul H (pada masa itu) di *Rajasegaran lwn Pusat Pemulihan Serenti Raub & Ketua Pengarah Kementerian Dalam Negeri Unit Rawatan Dan Pemulihan* [2000] 3 MLJ 529. Peguam Kanan Persekutuan berhujah dan menegaskan bahawa kedua-dua kes tersebut dengan jelas telah memberi alasan-alasan kenapa s 6 Akta tersebut harus dibezakan dengan tahanan pencegahan dan memohon kepada mahkamah untuk menimbang kedua-dua kes tersebut untuk membuat keputusan yang sewajarnya kepada notis usul bagi writ habeas corpus oleh pemohon. Peguam Kanan Persekutuan juga pohon permohonan writ habeas corpus ditolak. mahkamah ini mendapati bahawa kedua-dua kes iaitu *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor lwn Gurdeep Singh Atma Singh* [2000] 2 CLJ 433 dan *Rajasegaran lwn Pusat Pemulihan Serenti Raub & Ketua Pengarah Kementerian Dalam Negeri Unit Rawatan Dan Pemulihan* [2000] 3 MLJ 529 oleh Kang Hwee Gee H dan Augustine Paul H (pada masa itu) telah memberi

penjelasan yang jelas supaya peruntukan di bawah s 6 Akta tersebut harus dibezakan dengan perintah yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 atau di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (PCO) dan prinsip-prinsip untuk *tahanan pencegahan*. Selepas meneliti kedua-dua kes tersebut, mahkamah ini dengan sepenuhnya bersetuju dengan keputusan kedua-dua Yang Arif Hakim-Hakim tersebut bahawa tujuan memerintahkan seorang penagih dadah menjalani rawatan dan pemulihan adalah dengan *tujuan rawatan dan pemulihan* dan bukan bertujuan menahan beliau tanpa perbicaraan dan harus dibezakan.

[14] Mahkamah mendapati bahawa kebanyakan kes-kes yang dikemukakan oleh peguam bela bagi pemohon adalah tentang *tahanan pencegahan* dan bukan untuk keadaan bagi seorang yang diperintahkan untuk *menjalani rawatan dan pemulihan* di Pusat. Mahkamah ini mendapati bahawa Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) adalah satu undang-undang (legislation) yang bertujuan untuk memberi *rawatan dan pemulihan* bagi seorang penagih dadah dan bukan bertujuan untuk semata-mata menahan atau berkaitan dengan tepat bagi *tahanan pencegahan.* Sebenarnya, setiap pemohon yang dibawa di hadapan Majistret di bawah s 6(1) Akta tersebut telah diberi peluang untuk membersihkan namanya iaitu dengan membuat representasi di mana satu tarikh siasatan/inquiry ditetapkan. Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa peluang yang diberi kepada seorang pemohon yang ditangkap dan dikemukakan atau dibawa di hadapan majistret di bawah s 6(1) Akta tersebut adalah satu peluang yang diberi kepada pemohon untuk membuat sebarang cabaran atau mempertikaikan laporan pegawai perubatan, laporan ujian air kencing dan laporan pegawai pemulihan dan perkara-perkara yang berkaitan. Seorang Majistret sebelum membuat perintah, sama ada di bawah s 6(1)(a) atau 6(1)(b) Akta tersebut hanya memberi Perintah selepas mempertimbangkan dan meneliti ketiga-tiga laporan tersebut, rayuan daripada pemohon atau wakilnya dan khususnya *meneliti* syor pegawai pemulihan seperti yang dikehendaki di bawah s 6(1) Akta tersebut.

[15] Oleh itu, keadaan di mana perintah yang dibuat oleh majistret di bawah s 6(1) Akta tersebut harus dibezakan daripada suatu perintah yang dibuat di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969. Mahkamah ini mendapati bahawa di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 atau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) seorang yang ditangkap tidak dibawa di hadapan seorang majistret selepas tempoh tahanan di bawah s 117 Kanun Acara Jenayah ditamatkan untuk memberi peluang supaya satu representasi dapat dibuat di hadapan Majistret sebelum Perintah tahanan dibuat di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 atau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Dalam kes pemohon, beliau telah dibawa di hadapan Majistret Teluk Intan di mana laporan makmal, laporan doktor dan laporan Pegawai Pemulihan diterangkan kepada beliau dan beliau juga diberi peluang supaya ketiga-tiga dokumen tersebut boleh dicabar atau dipertikaikan tetapi pemohon tidak membuat pilihan untuk mencabar atau mempertikaikan dokumen-dokumen tersebut tetapi mengakui beliau adalah seorang penagih dadah dan memohon untuk

diletakkan di bawah pengawasan polis. Dalam kes ini mahkamah ini mendapati pemohon telah diberi peluang seperti yang dikehendaki di bawah s 6 Akta tersebut dan hanya selepas meneliti dan selepas mendengar representasi-representasi oleh pemohon, Majistret telah menggunakan budi bicara beliau supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan selama 2 tahun seperti di bawah s 6(1)(a) dan selepas itu untuk menjalani pengawasan di bawah seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam Perintah tersebut selama tempoh 2 tahun. mahkamah ini juga mendapati walaupun seorang Majistret yang bijaksana hendaklah atas syor Pegawai Pemulihan dan setelah memberi pemohon peluang untuk representasi membuat Perintah di bawah s 6(1)(a) atau 6(1)(b) Akta tersebut, Majistret yang bijaksana masih mempunyai budi bicara yang bebas untuk memilih sama ada memerintahkan seorang tahanan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan atau memerintahkan tahanan itu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan atau melepaskan tahanan itu tanpa sebarang perintah dan budi bicara ini yang digunakan oleh seorang majistret tidak semestinya ikat majistret atau seharusnya mengikut syor pegawai pemulihan. (Rujuk kes *Gopinathan A/L Subramaniam lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 1 MLJ 65).

[16] Mahkamah ini juga mendapati bahawa majistret yang bijaksana tidak perlu untuk memberi alasan-alasan sekiranya beliau mengikuti syor pegawai pemulihan kerana permohonan untuk writ habeas corpus bukanlah satu rayuan terhadap keputusan Majistret tetapi hanya untuk mengkaji perintah tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya Mahkamah Tinggi mendapati ada sebarang kekeliruan tentang perintah tersebut, Mahkamah Tinggi boleh sekiranya perlu dan di atas permohonan pemohon minta majistret untuk memberi alasan-alasan dengan ringkas sekiranya tidak mengikuti syor pegawai pemulihan dan pemohon tidak berhak (as of right) untuk mendapat alasan-alasannya. Majistret yang bijaksana juga tidak perlu atau semestinya mengikut syor pegawai pemulihan sama ada pemohon diperintahkan menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan yang ditetapkan atau memerintahkan pemohon tersebut diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan atau tidak membuat sebarang perintah. (lihat *Gopinathan Subramaniam lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [1999] 7 CLJ 558).

[17] Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa kes di bawah s 6(1) Akta tersebut memberi peluang kepada seorang suspek untuk mempertikaikan atau mencabar segala pengesahan yang dikemukakan di hadapan Majistret termasuk pengesahan bahawa tahanan itu adalah seorang penagih dadah sebelum perintah tersebut untuk menjalani rawatan dan pemulihan dikeluarkan manakala perkara di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 tidak memberi peluang seperti itu. Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa Majistret yang bijaksana mempunyai budi bicara atau kebebasan untuk membuat Perintah sama ada pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan di bawah s 6(1)(a) atau untuk memerintahkan pemohon diletakkan dalam pengawasan seorang pegawai di bawah sub-s (b) Akta tersebut atau untuk melepaskan pemohon tanpa sebarang Perintah.

[18] Walau bagaimanapun, kes *Quan Kim Hock lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 5 MLJ 65 yang dirujuk oleh peguam pemohon yang diputuskan pada 3 November 1999 boleh dibezakan tentang fakta-fakta dengan kes di hadapan mahkamah ini. Juga keputusan di kes *Quan Kim Hock* telah mengikuti kedua-dua kes *Sanuar Kamaruddin Bin Ahmad* dan *Kamaruzaman Bin Yahaya* yang berkaitan dengan keadaan sebelum pindaan kepada s 6 Akta tersebut dan dengan segala hormatnya tidak dapat diikuti oleh mahkamah ini untuk kes di hadapan mahkamah ini di mana permohonan ini dibuat pada 27 Ogos 2003 selepas pindaan kepada s 6 Akta tersebut pada 1 September 1998.

PERBEZAAN DI ANTARA PERUNTUKAN DI AKTA TERSEBUT SEBELUM DAN SELEPAS PINDAAN

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa peruntukan sebelum pindaan dengan jelas menunjuk bahawa sebelum perintah yang dikeluarkan oleh Majistret untuk memerintahkan seorang yang disahkan sebagai seorang penagih dadah *ditahan* di Pusat untuk menjalani rawatan dan pemulihan, seorang Majistret harus mengambil kira hal keadaan kes, watak, riwayat, umur, kesihatan, pelajaran, pekerjaan keluarga dan hal keadaan lain orang tetapi peruntukan selepas pindaan pada 1 September 1998 untuk memerintahkan seseorang untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan atau diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai tidak perlu ambil kira perkara-perkara seperti peruntukan sebelum pindaan kepada s 6(1) Akta tersebut.

[20] Seperti yang diketahui, *peruntukan sebelum pindaan* pada 1 September 1998 kepada s 6(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) yang berbunyi seperti berikut:-

> 6(1) jika seseorang yang telah menjalani ujian-ujian yang disebut dalam s 3 dan 4 dan, berikutan dari ujian-ujian itu, diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan berdaftar, sebagai penagih dadah, pegawai itu hendaklah membawanya atau menyebabkannya hadir, ke hadapan Majistret dan *jika Majistret itu*, setelah memberi peluang kepada orang itu membuat representasi:-
>
> (a) berpuas hati bahawa orang itu perlu menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan, memerintahkan orang itu tinggal di pusat itu selama tempoh 2 tahun untuk menjalani rawatan dan pemulihan dan selepas itu untuk menjalani jagaan lanjutan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini berhubung dengannya; atau
>
> (b) berpuas hati bahawa rawatan dan pemulihan orang itu boleh dijalankan dengan cara yang lain daripada yang dijalankan di Pusat Pemulihan, dia boleh memerintahkan orang itu diletakkan di bawah pengawasan seorang Pegawai Pemulihan selama tempoh tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 3 tahun, dan menyempurnakan suatu bon dengan atau tanpa penjamin sebagaimana ditentukan oleh Majistret, untuk berada di bawah pengawasan itu bagi tempoh tersebut.
>
> 6(3)Majistret hendaklah, sebelum membuat sesuatu perintah sama ada di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1), menimbang laporan oleh Pegawai Pemulihan keatas orang itu, yang mana satu salinanya hendaklah diberikan kepada orang itu dan yang hendak dibacakan dan dihuraikan kepadanya.

6(4)*Dalam membuat sesuatu perintah dibawah subseksyen (1), Majistret hendaklah mengambil kira hal keadaaan kes, watak, riwayat, umur, kesihatan, pelajaran, pekerjaan, keluarga dan hal keadaan lain orang yang terhadapnya perintah itu dicadang hendak buat*.

(Penekanan oleh mahkamah ini).

[21] Pindaan kepada s 6(1) Akta tersebut pada 1 September 1998 berbunyi seperti berikut:-

Jika seseorang yang telah menjalani ujian-ujian yang disebut dalam s 3 atau 4 dan, berikutan dengan ujian-ujian itu, diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar sebagai penagih dadah, pegawai itu hendaklah membawanya atau menyebabkannya hadir, di hadapan Majistret dan Majistret itu hendaklah atas syor Pegawai Pemulihan itu dan setelah memberi orang itu peluang untuk membuat representasi."

(a) memerintahkan orang itu menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan yang ditetapkan dalam Perintah itu selama tempoh 2 tahun dan selepas itu menjalani pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam Perintah selama tempoh 2 tahun; atau

(b) memerintahkan orang itu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam Perintah itu selama tempoh tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak melebihi 3 tahun.

PERUNTUKAN SEBELUM PINDAAN

[22] Pada masa pindaan belum dibuat kepada s 6, tugas Majistret dan peluang yang harus diberi kepada seorang suspek untuk membuat representasi yang dibawa di hadapan Majistret adalah lebih berat dan luas tetapi selepas pindaan dibuat di antara peluang yang harus diberi kepada seorang suspek, Majistret hendaklah menimbang syor Pegawai Pemulihan. Peruntukan dibawah sub-s 3 dan 4 kepada sek. 6 sebelum pindaan telah dibatalkan melalui pindaan tersebut. Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa kes-kes yang berkaitan dengan Perintah sebelum pindaan tersebut tidak dapat ditimbang tentang budi bicara yang digunakan oleh seorang majistret selepas pindaan kepada s 6 Akta tersebut.

TUJUAN PERINTAH

[23] Mahkamah mendapati bahawa tujuan untuk memerintahkan seorang penagih dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan seperti di s 6(1) Akta tersebut adalah selain daripada untuk kebaikan seorang penagih dadah itu sendiri adalah juga untuk kebaikan keluarga orang tersebut, masyarakat secara amnya dan negara. Tidak dinafikan bahawa negara kita dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dengan sedaya upaya mencuba menghapuskan kegiatan dadah sama sekali dengan membelanjakan berjuta-juta wang seperti membina pusat-pusat pemulihan, menubuhkan jawatankuasa, mengisikan jawatan-jawatan di pusat-pusat pemulihan dan semua pihak harus bekerjasama supaya negara kita boleh dibebaskan daripada cengkaman orang-orang yang terlibat dalam kegiatan dadah termasuk penagih dadah. (Rujuk kes *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor lwn Gurdeep Singh Atma Singh* [2000] 2 CLJ 433).

PERBEZAAN DI ANTARA PERINTAH TAHANAN PENCEGAHAN DAN PERINTAH UNTUK MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN

[24] Mahkamah ini telah dengan jelas menimbang "the trend of judicial opinion" tentang kes habeas corpus yang berkaitan dengan t*ahanan pencegahan* tetapi mahkamah ini mendapati bahawa satu perbezaan harus diambil kira tentang perintah *tahanan pencegahan* dan perintah untuk *menjalani rawatan dan pemulihan* di pusat pemulihan yang ditetapkan dan disediakan oleh kerajaan negara kita untuk kebaikan seorang penagih dadah dan supaya beliau diberi peluang untuk menjauhkan diri daripada orang-orang yang menyuruh atau memaksa atau melibatkan beliau dengan kegiatan dadah atau menghisap dadah dan supaya beliau dapat peluang mengubah sikap, fikiran dan kelakuan beliau. Oleh itu, mahkamah mendapati dan ulang bahawa Perintah yang dikeluarkan oleh Majistret di bawah s 6(1)(a) Akta tersebut tidak boleh dikatakan dengan tepat sebagai tahanan pencegahan.

[25] Dengan itu, mahkamah ini mendapati bahawa kes-kes yang dikemukakan bagi permohonan di hadapan mahkamah ini adalah berkaitan dengan tahanan pencegahan iaitu *preventive detention*. Oleh itu dan dengan segala hormatnya, telah sampai masanya untuk membezakan prinsip-prinsip yang ditetapkan untuk *tahanan pencegahan* dengan Perintah yang diberi untuk *menjalani rawatan dan pemulihan* di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. mahkamah ini juga mendapati bahawa peruntukan-peruntukan di Akta tersebut harus memberi tafsiran kepada tujuan (purposive interpretation) di mana Akta tersebut wujud. (rujuk s 17A Interpretation Acts 1948 and 1967).

[26] Setelah membaca dan meneliti notis usul (Lampiran 3), afidavit menyokong (Lampiran 4), afidavit Tambahan Pertama oleh isteri pemohon (Lampiran 5), afidavit bagi Responden (Lampiran 8) dan afidavit jawapan pemohon (Lampiran 13) dan selepas mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak dan membaca dan meneliti otoriti-otoriti yang dikemukakan, keputusan mahkamah bagi notis usul (Lampiran 3) adalah seperti berikut:-

(1) Dalam kes ini walaupun terdapat perbezaan tentang jenis dadah berbahaya yang digunakan oleh pemohon seperti dinyatakan dalam laporan Pegawai Pemulihan apabila berbanding dengan jenis dadah yang didapati dalam spesimen air kencing pemohon seperti dalam Perakuan tentang penagihan dadah oleh Doktor Khairul Anuar Bin Md Akhir, mahkamah ini mendapati bahawa ianya *tidak mengelirukan* atau membawa sebarang mudarat (prejudice) kepada pemohon ataupun mencacatkan Perintah Majistret yang menghantar pemohon di Pusat Pemulihan untuk menjalani *rawatan dan pemulihan*. Perkara-perkara tersebut adalah:-

(a) Mengikut *eksibit S5* di afidavit (*Lampiran 4*), iaitu *Perakuan Tentang Penagihan Dadah* oleh Doktor Khairul Anuar bin Md Akhir memperakui dadah berbahaya yang digunakan adalah *`morphine'* manakala di *eksibit S6* Laporan Pegawai Pemulihan bertarikh 30 Jun 2003 ia dinyatakan *Dalam Rekod Penggunaan Dadah dan Kesihatan* jenisnya dadah adalah *Heroin (chase)*.

(b) Dalam perenggan 3 *eksibit S6* di Laporan Pegawai Pemulihan di tajuk *Dalam Rekod Penggunaan Dadah dan Kesihatan* dicatat Kekerapan Menggunakan Dadah adalah *sekali sehari* sejak 10 tahun yang lalu (on-off)

manakala di perenggan 5 di tajuk *Rumusan dan Syor Pegawai Pemulihan*, ia dicatat *penama mengaku mengambil heroin* dengan kekerapan sekali seminggu sejak 10 tahun yang lalu secara on-off.

(c) Mengikut Borang Permintaan Ujian Pengesahan Dadah Dalam Air Kencing di ruang spesimen dipungut adalah pada 9 Jun 2003 *jam 7.00 petang* oleh anggota polis Harun bin Md Yusof manakala Laporan Polis (No. 1189/03 Hutan Melintang) yang dibuat oleh D/Sgt 66378 Md Yusof bin Nordin menyatakan pemohon ditangkap pada 7.00 petang di Jalan Baroh, Hutan Melintang dan Laporan Polis dibuat pada 7.20 petang.

[27] Mahkamah ini berpendapat bahawa perbezaan tersebut di atas tidak semestinya mencacatkan Perintah Majistret bertarikh 1 Julai 2003 ataupun menjadikannya tidak sah di mana pemohon diperintahkan menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan kerana kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi di bawah s 6(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sejak dipinda pada 1 September 1998 telah pun dipatuhi (has been satisfied) iaitu:-

[a] Perakuan Perubatan di bawah s 6(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 menunjukkan bahawa pemohon adalah seorang penagih dadah (*drug dependant*);

[b] Pegawai Pemulihan telah syor bahawa pemohon dihantar untuk rawatan dan pemulihan; dan

[c] Pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasi di hadapan Majistret sebelum Perintah untuk rawatan dan pemulihan dikeluarkan oleh Majistret.

[28] Sebenarnya, pemohon diberi peluang untuk membuat representasi di hadapan Majistret pada 1 Julai 2003 iaitu setelah Majistret membaca dan menerangkan:-

(i) Ujian pengesanan Air Kencing (eksibit P1)

(ii) Perakuan Doktor Khairul Anuar Bin Md Akhir (eksibit P2), dan

(iii) Laporan Pegawai Pemulihan (eksibit P3)

[29] Dokumen-dokumen tersebut telah dibaca kepada pemohon dan diakui betul dan pemohon faham Syor Pegawai Pemulihan, iaitu pemohon dihantar ke Pusat Pemulihan Sg Petani selama dua tahun dan selepas itu dua tahun pengawasan atas alasan yang terkandung dalam Laporan Pegawai Pemulihan. Di atas peluang untuk membuat representasi di hadapan Majistret, pemohon pohon beliau diberi *pengawasan* kerana ada isteri dan anak dan beliau bekerja dan selepas pindah rumah dalam masa 2–3 bulan beliau akan cuba untuk bersama dengan isteri. mahkamah ini mendapati bahawa Perintah Majistret di mana pemohon dihantar ke Pusat Pemulihan Sg Petani untuk menjalani rawatan dan pemulihan dibuat hanya selepas ketiga-tiga kehendak tersebut telah dipatuhi dan memuaskan.

[30] Dalam permohonan di hadapan mahkamah ini, pemohon tidak cabar niat suci (*bona fide*) perakuan tentang penagihan dadah bertarikh 23 Jun 2003 oleh Dr Khairul Anuar Bin Md Akhir atau membangkitkan sebarang *procedural*

impropriety sebelum Perintah dibuat oleh Majistret melainkan pemohon mengadu bahawa beliau tidak diberi peluang untuk membuat representasi dan Perintah tersebut didapati tidak sah atau cacat *kecuali* mahkamah ini mendapati bahawa ianya hanya menunjukkan sedikit perbezaan tentang waktu spesimen air kencing dipungut dan jenis dadah yang dicatat di antara Perakuan Doktor Khairul Anuar Bin Md Akhir dan Laporan Pegawai Pemulihan. mahkamah ini mendapati bahawa perkara yang penting dan harus diambil kira di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini adalah bahawa Majistret telah meneliti syor Pegawai Pemulihan dan telah memberi peluang kepada pemohon untuk membuat representasi dan lepas itu baru pemohon telah memohon supaya beliau diberi *pengawasan* dan ini dengan jelas menunjukkan bahawa permintaan oleh pemohon dibuat hanya selepas beliau diberi peluang untuk membuat representasi.

[31] Mahkamah ini telah mengambil kira bahawa Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibuat (*designed*) untuk tujuan (purpose) memberi rawatan dan pemulihan (treatment and rehabilitation) kepada seorang penagih dadah (drug dependant) di Pusat Pemulihan bukan sahaja untuk kepentingan diri tetapi ia membantu kepentingan keluarganya dan ia tidak semestinya mengganggu kebebasan beliau seperti mungkin boleh berlaku dalam satu tahanan pencegahan (preventive detention). Pemohon dianggap mengaku (is deemed to have admitted) bahawa beliau adalah seorang penagih dadah dan tiada sebarang cabaran dibuat bahawa kesemua kandungan di (1) Pengesahan dadah dalam air kencing dan (2) Laporan pegawai pemulihan adalah tidak benar atau bona fide selain daripada menunjuk perbezaan kepada jenis dadah dan waktu spesimen air kencing dipungut. mahkamah ini berpendapat bahawa sebarang perbezaan atau kesilapan teknikal seperti dalam kes ini tidak boleh diteliti dengan strictness seperti diterima dalam satu kes Tahanan Pencegahan seperti Perundangan Darurat (Emergency Legislations). Mahkamah telah juga merujuk kepada kes *Arumugam Subramaniam lwn Pegawai Pemulihan Pusat Serenti Bukit Mertajam & 1 Orang Lagi* [2002] 3 CLJ 251 dan berpendapat bahawa di antara alasan yang lain untuk menyebabkan pemohon-pemohon dibebaskan daripada menjalani rawatan dan pemulihan dari Pusat Serenti dan seterusnya, writ habeas corpus dibenarkan dalam kes-kes tersebut harus dibezakan di banding dengan fakta-fakta kes dalam permohonan di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Arumugam Subramaniam lwn Pegawai Pemulihan Pusat Serenti Bukit Mertajam & 1 Orang Lagi* [2002] 3 CLJ 251 di antara alasan-alasan yang lain adalah pegawai perubatan kerajaan mengeluarkan perakuan (Borang 2) bahawa dadah berbahaya yang menyebabkan pemohon dalam kes itu jadi seorang penagih dadah adalah cannabinoid di mana cannabinoid pada masa itu bukan dadah berbahaya di bawah Jadual 1 Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh itu, Mohd Noor Abdulah H. mendapati bahawa perakuan Pegawai Pemulihan itu adalah tersalah erti, tidak betul dan wajar ditolak. (Rujuk kes *Sures Perumal lwn PP* [2001] 2 CLJ 88 yang diikuti dalam kes itu). Oleh itu, mahkamah ini dengan segala hormatnya berpendapat bahawa kes *Arumugam Subramaniam lwn Pegawai Pemulihan Pusat Serenti Bukit Mertajam & 1 Orang Lagi* [2002] 3 CLJ 251 harus dibezakan apabila berbanding dengan fakta-fakta di atas permohonan di hadapan mahkamah ini.

[32] Oleh kerana Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah satu perundangan sosial (social legislation) untuk merawat dan pemulihan seorang penagih dadah ia tidak boleh merupakan sebagai satu Akta bagi Tahanan Pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau Perundangan Darurat. Dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, walaupun seorang Majistret tidak semestinya dan seharusnya mengambil kira syor seorang Pegawai Pemulihan seperti dalam laporannya, Majistret berkenaan bebas sama ada untuk mengambil kira atau tidak laporannya pada masa membuat Perintah di bawah s 6 Akta tersebut. Mahkamah ini berpendapat bahawa Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah satu perundangan sosial dan Perintah yang diberi untuk pemohon menjalani rawatan dan pemulihan bukan satu hukuman tetapi adalah untuk kepentingan diri seorang penagih dadah dan keluarganya. Mahkamah ini berpendapat bahawa sebarang 'technical flaw' jika ia boleh dikatakan atau ditafsirkan sebagai satu kesilapan teknikal yang dicatat dalam laporan Pegawai Pemulihan yang menunjuk perbezaan apabila berbanding dengan jenis dadah oleh seorang pegawai pakar selepas menjalankan ujian di atas spesimen air kencing tidak semestinya membawa cacatan atau tidak sah kepada Perintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan seperti yang mungkin boleh membawa cacatan kepada satu Perintah Tahanan Pencegahan (Preventive Detention) atau lain-lain Perintah tahanan Pencegahan.

[33] Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa satu kesilapan yang serius dan parah (fatal) didapati di Perintah yang dikeluarkan oleh Majistret pada 1 Julai 2003 yang gagal menyatakan bilakah tarikh pemohon akan mula menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Sg Petani, bilakah tarikh rawatan dan pemulihan diakhiri dan bilakah tarikh pengawasan oleh pegawai polis dimulakan. Oleh kerana ada timbul sedikit sekatan (restraint) terhadap pemohon di atas Perintah tersebut walaupun Perintah tersebut adalah hanya untuk tujuan pemohon menjalani rawatan dan pemulihan, mahkamah ini berpendapat bahawa adalah wajar dan perlu tarikhnya dicatat dengan tepat bilakah rawatan dan pemulihan dimulakan dan bilakah tarikhnya diakhiri dan bilakah tarikh pengawasan oleh pegawai polis dimulakan.

[34] Mahkamah ini berpendapat bahawa kegagalan untuk mencatatkan tarikh-tarikh tersebut di Perintah tersebut adalah satu kesilapan yang material dan serius dan tidak boleh diketepikan (set aside) sebagai satu perkara yang remeh atau kesilapan teknikal atau boleh dibaiki (curable). Kesilapan untuk mencatat tarikh-tarikh tersebut adalah satu perkara yang menyentuh sehingga ke akar umbi Perintah tersebut dan akibatnya membawa tidak sah kepada Perintah tersebut. Walaupun pemohon boleh dikatakan seorang penagih dadah, ia masih berhak untuk dilindungi di bawah undang-undang yang sama seperti orang-orang lain di bawah art 8 Perlembagaan Persekutuan dan beliau harus tahu bilakah rawatan dan pemulihan dimulakan dan bilakah ia diakhiri dan tarikh-tarikh ini harus dimaklumkan kepada Pusat Pemulihan berkenaan.

[35] Walau bagaimanapun, mahkamah ini ingin mengambil peluang untuk mengingatkan pihak-pihak yang bertanggungjawab (the relevant authorities) yang mengendalikan proses untuk menyediakan borang-borang dan laporan

statutori terhadap seorang penagih dadah dan seterusnya Perintah yang dikeluarkan harus menunjukkan tanggungjawab yang serius dan menumpukan perhatian apabila menjalankan tugas-tugas rasmi dan bukan dengan cara mekanikal. Perkara ini adalah penting supaya memastikan bahawa penagih dadah sahaja dihantar untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan bukan orang-orang yang bukan penagih dadah (innocent parties) walaupun terdapat ramai penagih dadah di jalan raya dan di tempat-tempat hiburan dan bangunan kompleks-kompleks. Oleh itu, dan di dalam keadaan kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa majistret telah menjalankan tugasnya dengan cara mekanikal dan bukan secara kehakiman pada masa menandatangani Perintah tersebut di bawah s 6(1)(a) Akta tersebut dan dimana tarikh-tarikh tersebut yang perlu dicatit tidak dicatit dalam perintah tersebut.

[36] Oleh yang demikian, mahkamah ini tidak ada pilihan lain melainkan melepaskan pemohon daripada Pusat Pemulihan Sg Petani dengan serta merta. Dengan itu, mahkamah ini membenarkan permohonan notis usul dan memerintahkan habeas corpus dikeluarkan dengan serta merta.

Permohonan untuk perintah habeas corpus dibenarkan.

Reported by Sugandra Rao